

11/07/1998

430 gerai di Ekspo Cintai Malaysia

KUALA LUMPUR, Jumaat - Lebih 430 gerai yang meliputi keluasan ruang pameran hampir satu hektar, menunggu pengunjung Ekspo Cintai Malaysia '98 yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Pameran dan Pertunjukan Antarabangsa Mines di sini.

Ekspo itu yang dianjurkan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur dan Selangor serta Jawatankuasa Gerakan Cintai Malaysia, diadakan bagi mempamer kehebatan produk tempatan selain menggalak pengguna membeli barangan buatan Malaysia.

Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Cintai Malaysia merangkap Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur dan Selangor, Lim Guan Teik, berkata ekspo itu diadakan bagi merangsang semangat patriotisme dan cintakan negara.

(END)